



KENYATAAN MEDIA

PEJABAT MENTERI BESAR PERLIS

PERISYTIHARAN PEMBUBARAN DEWAN UNDANGAN NEGERI PERLIS KEEMPAT BELAS

DYMM Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, telah berkenan menerima mengadap YAB Dato' Seri Azlan Man, Menteri Besar Perlis dan YB Dato' Haji Hamdan Bahari, Speaker Dewan Undangan Negeri Perlis, jam 3.00 petang pada 13 Oktober 2022 di Galeri Diraja, Arau.

Di sesi mengadap yang berlangsung hampir satu jam, DYMM Tuanku Raja Perlis telah disembah maklum mengenai Persidangan Khas Dewan Undangan Negeri Perlis yang berlangsung pada 13 Oktober 2022 telah meluluskan secara sebulat suara pindaan kepada Undang-undang Tubuh Negeri yang berkaitan dengan peruntukan Rang Undang-undang Anti Lompat Parti.

Kesemua 13 Ahli Dewan Undangan Negeri Perlis yang hadir telah bersetuju dengan pindaan yang dicadangkan. Manakala Ahli Dewan Undangan Negeri Sanglang, YB Mohd Shukri Ramli dan Ahli Dewan Undangan Negeri Titi Tinggi, YB Teh Chai Aan tidak hadir dengan kebenaran Speaker Dewan Undangan Negeri atas urusan yang tidak dapat dielakkan.

DYMM Tuanku Raja Perlis telah memperkenankan pindaan yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri, dan pindaan ini akan diwartakan pada 14 Oktober 2022. Pindaan ini pula akan berkuatkuasa mulai 1 November 2022. Semua Ahli Dewan Undangan Negeri Perlis akan tertakluk kepada pindaan ini mulai dari tarikh kuatkuasa tersebut.

Semasa sesi mengadap tersebut, DYMM Tuanku Raja Perlis juga telah berkenan dengan cadangan untuk membubarkan Dewan Undangan Negeri Perlis yang Keempat Belas berkuatkuasa pada 14 Oktober 2022 bersamaan 18 Rabiul Awal 1444 Hijrah.

Pembubaran ini akan membolehkan Pilihanraya Negeri diadakan untuk memilih 15 Ahli Dewan Undangan Negeri Perlis serentak dengan Pilihanraya Umum ke-15 ekoran dari pengumuman pembubaran Dewan Rakyat oleh YAB Perdana Menteri pada 10 Oktober 2022.

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri Perlis menyerahkan segala urusan Pilihanraya Negeri selanjutnya kepada Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia.

PEJABAT MENTERI BESAR PERLIS

14 OKTOBER 2022